



## SIARAN MEDIA

### **'PENDUDUK KAMPUNG MATANG TERAP, DAERAH LUNDU KINI MENERIMA BEKALAN AIR BERSIH DAN SELAMAT'**

**KUCHING, 15 November 2022:** Seramai Lebih kurang 120 penduduk Kampung Matang Terap dalam Daerah Lundu kini mula menerima bekalan air bersih dan selamat apabila pelaksanaan Projek Bekalan Air Alternatif Sarawak (SAWAS) berjaya disiapkan pada bulan Oktober 2022. Ini membuktikan keprihatinan dan iltizam tinggi Kerajaan Sarawak melalui Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak dan Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) Sarawak sebagai agensi pelaksana dalam menyalurkan serta membekalkan air bersih dan selamat kepada rakyat Sarawak sekaligus menyelesaikan isu bekalan air.

Projek SAWAS yang bernilai sekitar RM4.39 Juta ini telah mula beroperasi sepenuhnya pada bulan November 2022 dan memberi manfaat besar kepada para penduduk di kawasan tersebut apabila kini mereka telah menikmati bekalan air bersih dan selamat hasil usaha dan perancangan berterusan pihak Kerajaan Sarawak. Skop projek ini melibatkan pembinaan tangki air simpanan, pembinaan sistem penapisan, pembinaan tangki aras tinggi termasuk pemasangan saluran paip air dan paip komunikasi.

Projek SAWAS merupakan salah satu usaha Kerajaan Sarawak yang berperanan untuk menyalurkan bekalan air ke kawasan terpencil dan pedalaman yang masih belum menerima bekalan air bersih dan selamat serta kesukaran untuk mendapat bekalan air melalui saluran paip utama. Objektif utama projek SAWAS adalah untuk menyediakan bekalan air bersih dan selamat dengan menggunakan sistem bekalan air yang bersesuaian yang dikendalikan dan diselenggarakan oleh masyarakat tempatan. Projek SAWAS ini adalah bersifat komuniti di mana tanggungjawab untuk

pengendalian dan penyelenggaraan terletak pada komuniti tersebut. Namun demikian, pihak JBALB akan sentiasa memantau keadaan loji tersebut dari semasa ke semasa.

Bagi menjamin kualiti bekalan air yang berterusan, JBALB Sarawak akan terus memantau dan memastikan sistem projek SAWAS sentiasa berada dalam keadaan yang baik walaupun projek ini diserahkan kepada komuniti setempat untuk dikendalikan. Pelaksanaan Projek SAWAS yang diilhamkan oleh YAB Premier Sarawak merupakan salah satu usaha berterusan Kerajaan Sarawak untuk mencapai visi liputan 100% bekalan air bersih dan terawat kepada seluruh rakyat Sarawak sekaligus menyelesaikan isu bekalan air secara efektif dan menyeluruh.

**-TAMAT-**

**JABATAN BEKALAN AIR LUAR BANDAR SARAWAK**